



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN

KETETAPAN UMUM NO. 4/2013

TARIKH KELUARAN: 15 APRIL 2013



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN MODAL
DIPERCEPATKAN**

**Ketetapan Umum No. 4/2013
Tarikh Keluaran: 15 April 2013**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 15 April 2013

Edisi pertama pada 15 April 2013

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Berkaitan	1
3. Interpretasi	2
4. Elaun Modal	3
5. Perbelanjaan Layak	3
6. Kadar Elaun Standard Di Bawah Jadual 3 ACP 1967	4
7. Kadar Elaun Khas	5
8. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan Berkenaan EMD	6
9. Elaun Khas Aset Bernilai Kecil	23
10. Pembelian Loji Atau Jentera Secara Sewa Beli	24
11. Pelupusan Aset Dalam Tempoh Dua Tahun	28
12. Pemindahan Terkawal	30
13. Tempoh Layak	31
14. Ketidakkapaian	33
15. Prosedur Tuntutan	34

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. Objektif

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh seseorang bagi penyediaan loji dan jentera untuk tujuan perniagaan.

2. Peruntukan Berkaitan

Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan yang berkaitan adalah seperti berikut:-

- 2.1. Perenggan 2, perenggan 10 hingga 19A dan perenggan 71 Jadual 3 ACP 1967
- 2.2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kitaran Semula Sisa Buangan) 2000 [P.U.(A) 505]
- 2.3. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Pelaburan Semula Dalam Projek Yang Layak) 2000 [P.U.(A) 506]
- 2.4. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Penjimatan Tenaga) 2003 [P.U.(A) 349]
- 2.5. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Peralatan Kualiti Kuasa) 2005 [P.U.(A) 87]
- 2.6. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Jentera dan Peralatan bagi Sektor Pertanian) 2005 [P.U.(A) 188]
- 2.7. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Penjimatan Tenaga)(Pembatalan) 2006 [P.U.(A) 64]
- 2.8. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Acuan bagi Pengeluaran Komponen Sistem Binaan Berindustri) 2006 [P.U.(A) 249]
- 2.9. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Bas) 2008 [P.U.(A) 356]
- 2.10. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Loji dan Jentera) 2008 [P.U.(A) 357]
- 2.11. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2008 [P.U.(A) 358]
- 2.12. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan) 2008 [P.U.(A) 359]
- 2.13. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Loji dan Jentera) 2009 [P.U.(A) 111]

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 2.14. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan) 2013 [P.U.(A) 4].

3. Interpretasi

Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1. "Acuan" bagi maksud Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Acuan bagi pengeluaran komponen Sistem Binaan Berindustri) 2006 adalah acuan konkrit pratuang
- 3.2. "Aset" bermaksud loji atau jentera yang digunakan untuk tujuan perniagaan yang mana perbelanjaan loji atau jentera yang layak telah dilakukan.
- 3.3. "Loji dan Jentera" adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual 3, ACP 1967 iaitu termasuk kenderaan bermotor, jentera berat, loji dan jentera (am), kelengkapan pejabat, perabot dan mana-mana perbelanjaan modal bagi pembelian suatu loji dan jentera yang digunakan untuk perniagaan seseorang.
- 3.4. "Lupus" bermaksud menjual, menyerahkan hak, memindah hak, atau memberi milik dengan balasan atau tanpa balasan tetapi tidak termasuk musnah kerana kemalangan, terbakar atau bencana alam.
- 3.5. "Orang" atau "Seseorang" termasuk syarikat, perkongsian liabiliti terhad, koperasi, perkongsian, kelab, persatuan, Keluarga Sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka dan individu, tetapi tidak termasuk amanah saham yang seharusnya dikendalikan menurut seksyen 63A ACP 1967.
- 3.6. "Pendapatan berkanun", berhubung dengan seseorang, suatu punca dan suatu tahun taksiran bermaksud pendapatan berkanun seperti mana yang ditentukan di bawah ACP 1967.
- 3.7. "Pemilik benefisiari" bermaksud orang yang telah melakukan perbelanjaan loji yang layak berhubung dengan, atau yang telah membayar untuk sesuatu aset dan orang itu dapat membuktikan tuntutan dengan dokumen atau bukti yang lain [*contoh* : pencatatan yang sesuai dalam buku akaun perniagaan, disokong oleh dokumen seperti invoice, baucar dan resit].
- 3.8. "Pemilik di sisi undang-undang" bermaksud orang yang atas namanya aset didaftarkan atau direkodkan [*contoh*: sijil pendaftaran kenderaan motor, kad jaminan kualiti bagi mesin, dan sebagainya].

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.9. "Pengiraan cukai" bermakna segala helaian kerja, penyata, jadual, perkiraan dan lain-lain dokumen sokongan yang menjadi asas kepada penyediaan pengiraan cukai pendapatan, yang perlu dikemukakan bersama-sama dengan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) atau di selenggara oleh orang yang membuat penyata itu.
- 3.10. Sebarang rujukan kepada **pemilik** boleh juga dianggap sebagai rujukan kepada lebih dari seorang pemilik jika keadaan atau konteks mengizinkan atau memerlukan.
- 3.11. "Taksiran" bermaksud apa-apa taksiran atau taksiran tambahan yang dibuat di bawah ACP 1967.
- 3.12. "Tahun asas" berhubung dengan suatu tahun taksiran bagi punca perniagaan syarikat adalah tempoh asas bagi tahun taksiran tersebut.
- 3.13. "Tahun taksiran" bermaksud tahun kalendar.
- 3.14. "Tempoh asas" berhubung dengan jumlah pendapatan daripada punca perniagaan adalah seperti mana yang ditentukan oleh seksyen 20, ACP 1967.

4. Elaun Modal

Secara amnya, untuk layak menuntut elaun modal (EM), seseorang hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :

- (a) Beliau telah menjalankan perniagaan dalam tempoh asas
- (b) Beliau telah melakukan perbelanjaan layak dalam tempoh asas
- (c) Aset itu telah digunakan untuk tujuan perniagaan, dan
- (d) Pada akhir tempoh asas, beliau adalah pemilik aset itu dan aset itu masih digunakan.

5. Perbelanjaan Layak

Perbelanjaan layak (PL) ke atas loji dan jentera termasuk perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- (a) Perbelanjaan yang dilakukan dalam menyediakan aset termasuk kos loji dan jentera serta kos pemasangan.
- (b) Perbelanjaan yang dilakukan bagi mengubahsuai bangunan yang sedia ada atau struktur bagi memasang loji atau jentera termasuk perbelanjaan sampingan yang lain yang berkaitan dengan pemasangan berkenaan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (c) Perbelanjaan yang dilakukan bagi menyedia, memotong, membuat terowong atau meratakan tanah untuk menyediakan suatu tapak bagi pemasangan loji dan jentera.
- (d) Perbelanjaan yang dilakukan bagi kolam ikan, kandang haiwan, reban ayam, sangkar, bangunan dan struktur lain, pengelokan dalam kawasan yang digunakan bagi tujuan ternakan ayam itik, ternakan haiwan, perikanan pendalaman atau usaha pertanian atau perumputan yang lain.
- (e) Bagi kenderaan yang tidak dilesenkan untuk pengangkutan perdagangan barangan atau penumpang, PL adalah terhad kepada RM50,000 mulai tahun taksiran 1991. Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001, PL telah meningkat kepada RM100,000 untuk kenderaan yang dibeli pada atau selepas 28.10.2000 dengan syarat kenderaan adalah baharu dan jumlah kos tidak melebihi RM150,000. Bagi kenderaan yang berharga melebihi RM150,000, PL adalah terhad kepada RM50,000.

Untuk penerangan yang lebih terperinci berkenaan PL untuk EM, sila rujuk Ketetapan Umum No.1/2001: Pemilikan Loji Dan Jentera Bagi Tujuan Tuntutan Elaun Modal bertarikh 18.01.2001 dan Ketetapan Umum No. 2/2001: Pengiraan Elaun Permulaan dan Elaun Tahunan Bagi Loji dan Jentera bertarikh 18.01.2001.

6. Kadar Elaun Standard Di Bawah Jadual 3 ACP 1967

Kadar elaun standard yang diperuntukkan di bawah Jadual 3 ACP 1967 adalah diringkaskan seperti berikut:

Jenis Elaun	Aset Yang Layak	Kadar-Kadar Elaun	
		Elaun Permulaan	Elaun Tahunan
Elaun Modal	Jentera berat dan kenderaan bermotor	20%	20%
	Loji dan jentera	20%	14%
	Lain - lain	20%	10%
Elaun Bangunan Industri	Bangunan industri seperti yang ditakrifkan di bawah perenggan 63 dan 64 Jadual 3 ACP 1967	10%	3%
Elaun Pertanian	Membersihkan tanah, penanaman tanaman, jalan raya dan jambatan	-	50%
	Bangunan yang digunakan dalam perniagaan pertanian		10%
	Tempat kediaman untuk pekerja		20%

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Elaun Hutan	Jalan dan bangunan untuk pembalakan	-	10%
	Tempat kediaman untuk pekerja		20%

7. Kadar Elaun Khas

Kadar elaun khas diperuntukkan di bawah Jadual 3 ACP 1967 dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan boleh dikategorikan kepada elaun modal dipercepatkan, elaun dipercepatkan atau kadar elaun khas bagi bangunan industri, dan elaun pertanian dipercepatkan.

7.1 Elaun modal dipercepatkan (EMD)

Maklumat lanjut berhubung Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan berkenaan EMD adalah seperti di perenggan 8 Ketetapan ini.

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan berkaitan EMD adalah seperti di Lampiran A.

7.2 Elaun dipercepatkan atau kadar elaun khas bangunan industri

Kadar elaun khas bagi bangunan industri adalah seperti di Lampiran B.

7.3 Elaun pertanian dipercepatkan (EPD)

7.3.1 EPD diberikan kepada sebuah syarikat perladangan bukan getah yang menanam sekurang-kurangnya 10% daripada ladangnya dengan pokok kayu getah.

7.3.2 Di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Pertanian Dipercepatkan) (Perladangan Pokok Kayu Getah) 2008 [P.U.(A) 193/2008], elaun pertanian di bawah perenggan 81 Jadual 3 ACP 1967 yang diberikan kepada sebuah syarikat adalah bersamaan dengan jumlah perbelanjaan pertanian layak yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran bagi tujuan projek yang layak.

7.3.3 Untuk tujuan Kaedah-Kaedah ini –

(a) "Perbelanjaan pertanian yang layak " ertinya –

- (i) Pembersihan dan penyediaan tanah bagi tujuan pertanian
- (ii) Penanaman (tetapi bukan perladangan semula) tanaman atas tanah yang dibersihkan untuk perladangan, dan
- (iii) Pembinaan jalan atau jambatan di ladang.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (b) "Syarikat" ertinya suatu syarikat –
 - (i) Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan bermastautin di Malaysia, dan
 - (ii) Terlibat dalam projek pertanian atau projek perladangan hutan untuk spesies lain daripada pokok kayu getah.
- 7.3.4 Elaun pertanian hanya diberikan kepada sebuah syarikat di mana sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah keluasan projek pertanian atau projek ladang hutan yang ditanam dengan pokok kayu getah seperti yang disahkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.
- 7.3.5 P.U.(A) 193/2008 tidak terpakai kepada syarikat yang telah diberikan-
 - (a) Apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP 1986)
 - (b) Elaun Pelaburan Semula (EPS) di bawah Jadual 7A ACP 1967
 - (c) Pengecualian dibawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2006 [P.U.(A) 50/2006] atau Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.10) 2006 [P.U.(A) 51/2006], atau
 - (d) Potongan bagi perbelanjaan modal ke atas projek pertanian yang diluluskan di bawah Jadual 4A ACP 1967.
- 7.3.6 P.U. (A) 193/2008 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003 hingga tahun taksiran 2010.

8. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan Berkenaan EMD

Beberapa Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan yang terkini berkenaan EMD adalah seperti berikut:

8.1 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Kitaran Semula Sisa Buangan) 2000 [P.U.(A) 505/2000]

- 8.1.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001, syarikat pengilangan yang telah melakukan PL bagi maksud perniagaan boleh menuntut EMD ke atas loji dan jentera yang-
 - (a) Digunakan secara eksklusif atau sebaliknya bagi kitaran semula sisa buangan, atau
 - (b) Digunakan bagi pemprosesan lanjut sisa buangan kepada keluaran siap.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 8.1.2 Syarikat yang memenuhi syarat di atas, layak menuntut EMD sebanyak 20% bagi elaun permulaan (EP) dan 40% bagi elaun tahunan (ET).
- 8.1.3 Syarikat tidak layak menuntut EMD di bawah Kaedah-Kaedah yang dinyatakan di atas bagi tempoh di mana syarikat -
- (a) Telah diberikan apa-apa galakan kecuali potongan bagi penggalakan eksport di bawah APP 1986, atau
 - (b) Telah menuntut EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967.
- 8.2 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Pelaburan Semula Dalam Projek Yang Layak) 2000 [P.U. (A) 506/2000]**
- 8.2.1 Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2001 dan hendaklah terpakai ke atas perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan untuk penyediaan loji atau jentera bagi maksud projek yang layak berkenaan dengan-
- (a) Sesuatu aktiviti digalakkan
 - (b) Sesuatu keluaran digalakkan, atau
 - (c) Sesuatu projek pertanian, dan digunakan bagi maksud perniagaannya.
- 8.2.2 EMD diberikan dalam bentuk -
- (a) EP sebanyak 40%
 - (b) ET sebanyak 20%
- 8.2.3 Bagi tujuan Kaedah-Kaedah ini -
- (a) "Aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan" ertinya apa-apa aktiviti atau keluaran yang digalakkan di bawah seksyen 4 APP 1986.
 - (b) "Projek pertanian" mempunyai erti sebagaimana yang ditakrifkan di bawah perenggan 8(c) iaitu berhubung dengan aktiviti yang disenarakan di bawah perenggan 9(aa) hingga (ff) Jadual 7A ACP 1967.
 - (c) "Projek yang layak" mempunyai erti sebagaimana yang ditakrif di bawah perenggan 8(a) Jadual 7A ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 8.2.4 Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai selama tempoh syarikat -
- (a) Telah diberi EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967.
 - (b) Telah diberi taraf perintis atau elaun cukai pelaburan di bawah APP 1986 berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang sama.
 - (c) Gagal mengemukakan salinan surat daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia yang mengesahkan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang dijalankan bagi suatu projek yang layak bagi suatu tahun taksiran.

8.3 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Penjimatan Tenaga) 2003 [P.U.(A) 349/2003]

- 8.3.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2003, EMD diberikan kepada syarikat yang telah melakukan perbelanjaan layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, atas-
- (a) Penyediaan loji atau jentera sebagaimana yang disahkan oleh Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, atau
 - (b) Loji dan jentera yang digunakan secara eksklusif bagi penjimatan tenaga untuk perniagaannya.
- 8.3.2 EMD diberikan sepenuhnya dalam satu tahun iaitu EP (40%) dan ET (60%).
- 8.3.3 Sekiranya syarikat telah diberikan ET di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Penjimatan Tenaga) 2001 [P.U. (A) 82/2001], ET bagi tahun taksiran 2003 adalah amaun perbelanjaan loji yang layak ditolak dengan jumlah elaun yang telah dibenarkan di bawah P.U.(A) 82/2001.

Contoh 1

Dalam tahun taksiran 2001, A Sdn Bhd telah melakukan PL sebanyak RM120,000 untuk penyediaan loji dan jentera bagi tujuan penjimatan tenaga dalam perniagaan. Syarikat telah menuntut EMD untuk PL yang dilakukan.

Tahun Taksiran 2001: [P.U.(A) 82/2001]

	<u>RM</u>
Perbelanjaan layak	120,000
Tolak:	
EP (120,000 x 40%)	48,000
TT (120,000 x 20%)	<u>24,000</u>
Baki perbelanjaan	<u>72,000</u> 48,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tahun Taksiran 2002: [P.U.(A) 82/2001]

Tolak:	
ET (120,000 x 20%)	<u>24,000</u>
Baki perbelanjaan	<u>24,000</u>

Tahun Taksiran 2003: [P.U.(A) 349/2003]

Tolak:	
ET (120,000 x 60%) - (terhad)	<u>24,000</u>
Baki perbelanjaan	<u>Tiada</u>

8.3.4 Kaedah ini tidak terpakai selama tempoh syarikat -

- (a) Telah diberi apa-apa galakan kecuali potongan bagi penggalakan eksport di bawah APP 1986, atau
- (b) Telah diberikan EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967.

8.3.5 P.U.(A) 349/2003 ini telah dibatalkan berkuat kuasa mulai 1.10.2005 melalui P.U.(A) 64/2006. Walau bagaimanapun bagi PL yang dilakukan pada atau sebelum 30.9.2005 dan telah dibenarkan EMD di bawah P.U.(A) 349/2003 EMD masih boleh dituntut sehingga elaun itu diserap sepenuhnya.

8.4 Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Peralatan Kualiti Kuasa) 2005 [P.U. (A) 87/2005]

8.4.1 Kaedah ini terpakai mulai tahun taksiran 2005 bagi perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran bagi-

- (a) Penyediaan peralatan sebagaimana yang disahkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Malaysia, dan
- (b) Peralatan tersebut digunakan oleh syarikat untuk perniagaan sendiri secara eksklusif bagi mengawal kualiti kuasa elektrik.

8.4.2 EMD dibenarkan dengan EP pada 20% dan ET pada 40%.

8.4.3 Kaedah ini tidak terpakai selama tempoh syarikat -

- (a) Telah diberikan apa-apa galakan kecuali potongan bagi penggalakan eksport di bawah APP1986, atau
- (b) Telah membuat tuntutan EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8.5 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Jentera dan Peralatan bagi Sektor Pertanian) 2005 [P.U.(A) 188/2005]

- 8.5.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005, EMD diberikan ke atas perbelanjaan loji dan jentera yang layak yang dilakukan oleh syarikat dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun seperti ditentukan oleh Menteri Kewangan sebagai loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan pertanian.
- 8.5.2 Syarikat layak menuntut 20% bagi EP dan ET sebanyak 40%.
- 8.5.3 Kaedah ini tidak terpakai selama tempoh syarikat telah -
- (a) Diberi apa-apa galakan kecuali potongan bagi penggalakan eksport di bawah Akta APP 1986, atau
 - (b) Menuntut EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967.

Contoh 2: P.U.(A) 116/2002 dan P.U.(A) 188/2005 tidak saling eksklusif

B Sdn Bhd adalah sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia dan menjalankan perniagaan dalam sektor pertanian. Syarikat telah membeli jentera untuk tujuan pertanian pada tahun 2010. Dalam tahun 2010 syarikat telah menuntut potongan bagi penggalakan eksport di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Penggalakan Eksport) (No.2) 2002 [P.U.(A) 116/2002] bagi perbelanjaan berkaitan dengan pendaftaran paten, cap dagangan dan pelesenan barangan luar negeri.

B Sdn Bhd masih boleh menuntut EMD bagi pembelian jentera untuk kegunaan perniagaan bagi tahun taksiran 2010.

8.6 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Acuan bagi Pengeluaran Komponen Sistem Binaan Berindustri) 2006 [P.U.(A) 249/2006]

- 8.6.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006, EMD diberikan ke atas perbelanjaan loji yang layak yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran ke atas pembelian acuan konkrit pra-tuang yang digunakan dalam pengeluaran komponen sistem binaan berindustri bagi tujuan perniagaan syarikat pengilangan atau syarikat pembinaan.
- 8.6.2 **Sistem binaan berindustri** ertinya sistem pembinaan yang komponen struktur dibuat dalam keadaan terkawal seperti di kilang atau di tapak, diangkut dan dipasang menjadi suatu struktur dengan kerja tapak yang minimum.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 8.6.3 Syarikat layak menuntut EMD dengan kadar 40% bagi EP dan 20% untuk ET.
- 8.7 **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Bas) 2008 [P.U.(A) 356/2008]**
- 8.7.1 Mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2011, seseorang pemastautin layak menuntut EMD ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas pembelian bas baharu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada suatu punca perniagaan pengangkutan komersial.
- 8.7.2 EMD dibenarkan dalam tempoh satu tahun iaitu EP sebanyak 20% dan ET sebanyak 80%.
- 8.7.3 Syarat kelayakan tuntutan EMD adalah-
- (a) Bas baharu (tidak termasuk bas terpakai atau di baik pulih) yang dipasang atau dibuat di Malaysia, sebagaimana ditakrifkan dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959
 - (b) Pengendali pengangkutan adalah pemegang lesen kenderaan perkhidmatan awam yang dikeluarkan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 atau pemegang lesen kenderaan pelancongan yang dikeluarkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999, dan
 - (c) Pengendali pengangkutan adalah pemilik berdaftar pertama bas berkenaan.

Contoh 3

C Sdn Bhd yang ditubuhkan pada tahun 2005 merupakan sebuah syarikat pemegang lesen kenderaan perkhidmatan awam yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Syarikat menjalankan perniagaan pengangkutan secara komersial dan bermastautin di Malaysia. Pada 7.8.2009 syarikat telah **membeli 3 buah bas baharu** bagi tujuan perniagaan.

C Sdn Bhd layak menuntut EMD bagi perbelanjaan modal ke atas 3 buah bas baharu tersebut.

Contoh 4

D Sdn Bhd (akaun berakhir pada 31 Disember) menjalankan perniagaan bas persiaran dan merupakan pemegang lesen kenderaan pelancongan yang dikeluarkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999. Dalam tahun 2010 syarikat telah **membeli 2 bas terpakai** bagi memenuhi keperluan perniagaan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

D Sdn Bhd tidak layak menuntut EMD pada tahun taksiran 2010.

8.7.4 Bagi tujuan Kaedah ini, bas yang layak adalah -

- (a) Bas berhenti-henti
- (b) Bas catar
- (c) Bas ekspres
- (d) Bas mini
- (e) Bas kilang
- (f) Bas pengantara
- (g) Bas sekolah, atau
- (h) Bas persiaran

8.8. **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Loji dan Jentera) 2008 [P. U. (A) 357/2008]**

8.8.1 Mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2010, suatu syarikat yang telah melakukan perbelanjaan modal ke atas loji dan jentera bagi tujuan perniagaannya diberikan elaun 100% sekiranya:

- (a) Syarikat diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan
- (b) Syarikat mempunyai modal berbayar dalam saham biasa sebanyak RM2.5 juta atau kurang pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

Contoh 5

E Sdn Bhd diperbadankan pada 10.1.2009 dengan modal dibenarkan sebanyak RM3,000,000 dan modal berbayar sebanyak RM2,300,000. Pada 30.7.2009 syarikat telah menambah terbitan saham biasa dengan modal berbayar sebanyak RM2,800,000. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 7.11.2009 syarikat telah membeli sebuah mesin berharga RM100,000 untuk tujuan perniagaan dan menuntut EMD bagi perbelanjaan yang dilakukan.

E Sdn Bhd layak menuntut EMD kerana modal berbayar syarikat pada permulaan tempoh asas adalah kurang daripada RM2.5 juta.

8.8.2 EMD dibenarkan dalam tempoh satu tahun iaitu EP sebanyak 20% dan ET sebanyak 80%.

8.8.3 Syarikat boleh membuat pilihan untuk menuntut EMD ke atas kelengkapan kawalan keselamatan atau GPS di bawah Kaedah ini atau Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) Loji

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

dan Jentera) 2008 [P.U.(A) 359/2008 di bawah perenggan 8.10.1
Ketetapan ini].

8.8.4 P.U.(A) 357/2008 tidak terpakai kepada –

(a) Suatu syarikat yang –

- (i) Telah menikmati insentif di bawah APP 1986.
- (ii) Menikmati EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967.
- (iii) Layak menuntut elaun khas nilai aset kecil di bawah perenggan 19A, Jadual 3 ACP 1967, atau

(b) Suatu syarikat dimana –

- (i) Lebih daripada 50% daripada modal berbayar saham biasa syarikat secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat berkaitan¹

Contoh 6

F Sdn Bhd diperbadankan pada 5.1.2008 dengan modal dibenarkan sebanyak RM900,000 dan modal berbayar sebanyak RM650,000. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. 60% daripada modal berbayar saham biasa F Sdn Bhd dimiliki secara langsung oleh syarikat berkaitan. Syarikat telah membeli aset berharga RM55,000 pada 10.08.2009 untuk kegunaan perniagaannya.

Memandangkan lebih daripada 50% daripada saham biasa F Sdn Bhd dimiliki oleh syarikat berkaitan, F Sdn Bhd tidak layak menuntut EMD dalam tahun taksiran 2009.

- (ii) Lebih daripada 50% daripada modal berbayar saham biasa syarikat berkaitan itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat seperti di perenggan 8.8.4(b)(i), atau

Contoh 7

Fakta seperti di Contoh 6 di atas. Walau bagaimanapun, 60% saham biasa syarikat berkaitan dimiliki oleh F Sdn Bhd.

Memandangkan lebih daripada 50% daripada saham biasa syarikat berkaitan dimiliki oleh F Sdn Bhd., Syarikat F Sdn Bhd tidak layak menuntut EMD dalam tahun taksiran 2009.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (iii) Lebih daripada 50% daripada modal berbayar berkenaan saham biasa syarikat seperti di perenggan 8.8.4(b)(i) dan syarikat berkaitan itu secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat yang lain.

Contoh 8

Fakta seperti di Contoh 6 di atas. Walau bagaimanapun, 60% saham biasa syarikat berkaitan dan syarikat F Sdn Bhd dimiliki oleh syarikat lain.

Memandangkan lebih daripada 50% daripada saham biasa syarikat berkaitan dan F Sdn Bhd dimiliki oleh syarikat lain, F Sdn Bhd tidak layak menuntut EMD dalam tahun taksiran 2009.

Nota

¹Syarikat berkaitan bermaksud syarikat yang mempunyai modal berbayar dalam saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

8.9. **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2008 [P.U.(A) 358/2008]**

- 8.9.1. Mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2015, seseorang yang bermastautin di Malaysia adalah layak kepada EMD berkaitan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang berkaitan dengan pembelian sebarang kelengkapan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk tujuan perniagaan.
- 8.9.2. EMD diberikan pada kadar 20% untuk EP dan 80% untuk ET. Ini bermakna PL dibenarkan sepenuhnya dalam tempoh satu tahun.
- 8.9.3. Seseorang boleh menuntut sama ada EM atau EMD untuk suatu aset. Apabila tuntutan telah dibuat, ia hendaklah mengguna pakai secara konsisten peruntukan ACP 1967 sehingga kesemua perbelanjaan yang layak telah diberi potongan.

Contoh 9

G Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengeluaran produk makanan segera. Syarikat telah membeli pakej perisian perakaunan untuk perniagaannya dan menuntut elaun modal ke atas aset tersebut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

G Sdn Bhd dibenarkan untuk menuntut elaun pada kadar biasa walaupun syarikat layak menuntut EMD ke atas aset tersebut.

8.9.4. EMD akan diberi ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas peralatan ICT berikut:

- (a) Sistem kawalan laluan masuk
- (b) Sistem perbankan
- (c) Kelengkapan kod bar
- (d) Peletus / pengumpul aing
- (e) Kabel dan penyambung
- (f) Reka bentuk bantuan komputer
- (g) Pembuatan bantuan komputer
- (h) Kejuruteraan bantuan komputer
- (i) Pembaca kad
- (j) Komputer dan komponen
- (k) Unit pemprosesan pusat
- (l) Storan
- (m) Skrin
- (n) Pencetak
- (o) Pengimbas/pembaca
- (p) Aksesori
- (q) Rangkaian dan komunikasi, atau
- (r) Sistem perisian atau pakej perisian.

8.9.5. Seseorang tidak layak kepada EMD di bawah P.U.(A) 358/2008 sekiranya bagi suatu tahun taksiran –

- (a) Orang itu telah diberikan apa-apa insentif di bawah APP 1986, atau
- (b) Orang itu telah diberikan EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967.

8.10. **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan) 2008 [P.U. (A) 359/2008]**

8.10.1. Mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2012, EMD diberikan ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran oleh-

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (a) Orang bermastautin di Malaysia bagi pemasangan kelengkapan kawalan keselamatan [selain GPS bagi penjejakan kenderaan] pada apa-apa bangunan struktur kekal yang digunakan bagi maksud perniagaan, atau
 - (b) Syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 yang bermastautin di Malaysia bagi apa-apa pemasangan -
 - (i) Kelengkapan kawalan keselamatan [selain GPS bagi penjejakan kenderaan] pada kilang syarikat dan diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, atau
 - (ii) Sistem penjejakan kenderaan GPS pada lori kontena syarikat yang mempunyai Lesen Pembawa A dan lori kargo am syarikat yang mempunyai Lesen Pembawa A dan C yang dikeluarkan oleh Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 yang digunakan dalam perniagaan.
- 8.10.2. EMD diberikan ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan untuk peralatan berikut -
- (a) Sistem penggera anti kecurian
 - (b) Sistem pengesan pergerakan inframerah
 - (c) Siren
 - (d) Sistem kawalan laluan masuk
 - (e) Televisyen litar tertutup
 - (f) Sistem pengawasan video
 - (g) Kamera keselamatan
 - (h) Kamera penerima tanpa wayar
 - (i) Kelengkapan rakaman tertunda dan kelengkapan video pengesanan gerakan, dan
 - (j) GPS bagi penjejakan kenderaan.
- 8.10.3. EMD diberikan pada kadar 20% untuk EP dan 80% bagi ET. Ini bermakna PL adalah dibenarkan sepenuhnya dalam tempoh satu tahun.
- 8.10.4. Kaedah ini tidak terpakai kepada individu atau syarikat jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran -
- (a) Individu atau syarikat itu telah diberikan apa-apa insentif di bawah APP 1986, atau

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(b) Individu atau syarikat itu telah dibenarkan EPS di bawah Jadual 7A ACP.

8.10.5. Dengan pemakaian P.U.(A) 359/2008, Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan) 2008 [P. U. (A) 205/2008] adalah terbatal mulai dari tahun taksiran 2009.

8.10.6. Bagi perbelanjaan layak yang dilakukan sebelum tahun taksiran 2009, P.U.(A) 205/2008 adalah terpakai.

8.11 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Loji dan Jentera) 2009 [P.U.(A) 111/2009]

8.11.1 Berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009, seseorang yang bermastautin di Malaysia dan melakukan perbelanjaan loji yang layak bagi tujuan perniagaannya pada atau selepas 10.3.2009 tetapi tidak lewat daripada 31.12.2010 layak menuntut EMD di bawah Kaedah-Kaedah ini.

8.11.2 Loji dan jentera termasuk kenderaan bermotor, peralatan pejabat, perabot dan lain-lain aset yang layak bagi elaun modal di bawah Jadual 3 ACP 1967. Untuk kenderaan motor (selain daripada kenderaan yang dilesenkan untuk kegunaan komersial) sila rujuk perenggan 5 (e).

8.11.3 EMD boleh dituntut dalam tempoh 2 tahun dengan EP sebanyak 20% dan ET sebanyak 40%. Ini bermakna PL dibenarkan sepenuhnya dalam 2 tahun taksiran.

8.11.4 Bagi tempoh antara 10.3.2009 hingga 31.12.2010, P.U.(A) 111/2009 tidak terpakai untuk -

(a) Syarikat yang telah diberikan apa-apa insentif di bawah APP 1986

(b) Syarikat telah membuat tuntutan ke atas EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967

(c) Syarikat yang telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP 1967, atau

(d) Aset yang layak kepada kadar elaun modal yang lebih tinggi di bawah ACP 1967 atau mana-mana Kaedah-kaedah lain yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP 1967.

Ini bermakna sekiranya aset layak kepada kadar elaun modal yang lebih tinggi, maka elaun modal hendaklah dituntut pada kadar yang lebih tinggi.

Contoh 10: Potongan dua kali bagi penggalakan eksport dan EMD tidak saling eksklusif

H Sdn Bhd telah menuntut potongan dua kali bagi penggalakan eksport yang diberi oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 154 ACP 1967. H Sdn Bhd juga layak menuntut EMD untuk sesuatu tahun taksiran berkenaan walaupun telah menuntut potongan dua kali bagi penggalakan eksport.

Contoh 11: EPS dan EMD saling eksklusif

J Sdn Bhd telah melakukan perbelanjaan loji yang layak bagi tahun taksiran 2009 dan telah menuntut EP 20% dan ET 40% di bawah P.U.(A) 111/2009. Dalam tahun taksiran 2010 syarikat telah membuat tuntutan EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967 ke atas aset yang sama.

J Sdn Bhd tidak layak menuntut EMD kerana syarikat tersebut telah menuntut EPS yang saling eksklusif kepada EMD di bawah P.U.(A) 111/2009.

Contoh 12: Kadar lebih tinggi dari EMD hendaklah dituntut

JK Sdn Bhd telah membeli 10 unit kelengkapan peralatan teknologi maklumat yang berharga RM950 setiap unit. Oleh kerana kos bagi setiap unit tidak melebihi RM1,000, JK Sdn Bhd hendaklah menuntut EM 100% di bawah perenggan 19A, Jadual 3 ACP 1967 dan bukannya 20% (EP) dan 40% (ET) di bawah P.U. (A) 111/2009.

Contoh 13: Tempoh tuntutan

Syarikat K Sdn Bhd, sebuah syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS), menutup akaun pada 30 November setiap tahun. Syarikat telah membeli 2 aset iaitu pada 1.9.2009 (tahun taksiran 2009) dan 15.12.2010 (tahun taksiran 2011).

K Sdn Bhd layak menuntut EMD seperti berikut –

Tahun Taksiran 2009

Bagi aset yang dibeli pada 1.9.2009 tuntutan hendaklah dibuat di bawah P.U.(A) 357/2008, memandangkan tempoh kuat kuasa Kaedah adalah mulai tahun taksiran 2009 hingga tahun taksiran 2010.

Tahun Taksiran 2011

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Bagi aset yang dibeli pada 15.12.2010 tuntutan EMD hendaklah dibuat di bawah P.U.(A) 111/2009, memandangkan tempoh kuat kuasa Kaedah ini adalah bagi aset yang dibeli pada atau selepas 10.3.2009 tetapi tidak lewat daripada 31.12.2010.

- 8.11.5 P.U.(A) 357/2008 dan P.U.(A) 111/2009 adalah saling eksklusif. Jika aset layak untuk EMD pada kadar yang berbeza di bawah peruntukan yang berbeza, EMD hendaklah dituntut pada kadar yang lebih tinggi.
- 8.11.6 Jika satu aset diperoleh di bawah terma sewa beli, bahagian ansuran modal yang layak untuk EMD pada kadar yang lebih tinggi (jika ada) atau pada kadar biasa jika tempoh kuat kuasa Kaedah telah tamat.
- 8.11.7 Bagi aset yang diperoleh di bawah perjanjian sewa beli, P.U.(A) 111/2009 tidak terpakai jika perjanjian sewa beli ditandatangani sebelum 10.3.2009 atau selepas 31.12.2010. Ansuran yang dibuat dalam tempoh dari 10.3.2009 hingga 31.12.2010 adalah layak untuk EMD.

Contoh 14: Aset di bawah sewa beli

Kaedah-Kaedah	P.U.(A) 357/2008		P.U.(A) 111/2009	
Orang yang layak	PKS		Semua individu bermastautin	
Aset yang layak	Semua aset		Semua aset	
Tempoh yang layak	TT 2009 – TT 2010		10.3.2009 – 31.12.2010	
Kadar EM (%)	EP	TT	EP	TT
	20	80	20	40

L Sdn Bhd, suatu PKS, menutup akaun pada 31 Januari setiap tahun. Pada 1.9.2009, syarikat membeli sebuah mesin secara terma sewa beli berharga RM20,000. Deposit adalah RM2,000 dan ansuran bulanan selama 20 bulan. Bahagian modal bagi setiap ansuran ialah RM900.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pengiraan Elaun Modal

Tahun Taksiran 2010 (1.2.2009 - 31.1.2010) – EMD di bawah P.U.(A) 357/2008

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Deposit		2,000
Ansuran bulanan (900 x 5 bulan)		<u>4,500</u>
Perbelanjaan layak		6,500
Tolak:		
EP (6,500 x 20%)	1,300	
ET (6,500 x 80%)	<u>5,200</u>	<u>6,500</u>
Baki perbelanjaan		Tiada

Tahun Taksiran 2011 (1.2.2010 - 31.1.2011)

Ansuran bulanan (900 x 12 bulan)	<u>10,800</u>
Perbelanjaan layak	10,800

Pecahan ansuran bulanan

- (i) 11 ansuran bulanan (1.2.2010 – 31.12.2010)
- di bawah P.U.(A) 111/2009

Ansuran bulanan = 9,900 (900 x 11 bulan)

Tolak:		
EP (9,900 x 20%)	1,980	
ET (9,900 x 40%)	<u>3,960</u>	<u>5,940</u>
Baki perbelanjaan		4,860

- (ii) 1 ansuran bulanan (1.1.2011 – 31.1.2011)
- di bawah Jadual 3 ACP 1967

Ansuran bulanan= 900 (900 x 1 bulan)

Tolak:		
EP (900 x 20%)		
ET (900 x 14%)	180	
Baki perbelanjaan	<u>126</u>	<u>306</u>
		4,554 ²

Nota

²Elaun tahunan pada kadar 14% ke atas perbelanjaan layak (RM10,800) di bawah Jadual 3 ACP 1967 adalah dibenarkan dituntut untuk tahun-tahun taksiran seterusnya sehingga baki perbelanjaan dibenarkan sepenuhnya.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8.12. **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan) 2013 [P.U. (A) 4/2013]**

8.12.1. Mulai tahun taksiran 2013 hingga tahun taksiran 2015, EMD diberikan ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan oleh individu atau syarikat dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada suatu sumber yang terdiri daripada suatu perniagaan oleh-

- (a) Seseorang individu yang bermastautin di Malaysia bagi pemasangan kelengkapan kawalan keselamatan [selain *Global Positioning System* (GPS) bagi penjejakan kenderaan] pada apa-apa bangunan struktur kekal yang digunakan bagi maksud perniagaan, atau
- (b) Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 yang bermastautin di Malaysia bagi apa-apa pemasangan –
 - (i) Kelengkapan kawalan keselamatan [selain GPS bagi penjejakan kenderaan] pada kilang syarikat dan diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975
 - (ii) Sistem penjejakan kenderaan GPS pada lori kontena syarikat yang mempunyai Lesen Pembawa A dan lori kargo am syarikat yang mempunyai Lesen Pembawa A dan C yang dikeluarkan oleh Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 yang digunakan dalam perniagaan, atau
 - (iii) Kelengkapan kawalan keselamatan dan kelengkapan pemantauan [selain GPS bagi penjejakan kenderaan] di kawasan perumahan.

Contoh 15

M Sdn Bhd diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 10.1.2013 dan bermastautin di Malaysia. Syarikat telah melakukan perbelanjaan modal untuk pemasangan kelengkapan kawalan keselamatan di premis perniagaannya dengan kos sebanyak RM60,000.

M Sdn Bhd layak menuntut EMD sebanyak RM60,000.

Contoh 16

N Sdn Bhd adalah sebuah syarikat pemaju perumahan. Syarikat telah menjalankan satu projek pembinaan rumah teres 2 tingkat dalam 2 fasa di Shah Alam. Projek tersebut telah siap dibina dan diserahkan kepada pembeli pada pertengahan tahun 2012. Pada 11.5.2013, syarikat telah memasang kamera keselamatan dan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

televisyen litar tertutup di kawasan perumahan tersebut untuk digunakan oleh pejabat pengurusan dan penyelenggaraan. N Sdn Bhd telah menuntut EMD ke atas perbelanjaan yang dilakukan.

N Sdn Bhd tidak layak menuntut EMD ke atas perbelanjaan yang dilakukan kerana perbelanjaan bukan untuk tujuan perniagaan syarikat.

Contoh 17

Badan Pengurusan Bersama Sri Desa Kondominium (JMC Sri Desa) menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 15.2.2013, JMC Seri Desa telah memasang 10 unit televisyen litar tertutup dan kamera keselamatan yang bernilai RM70,000 untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan penghuni Sri Desa Kondominium tersebut.

JMC Sri Desa tidak layak menuntut EMD untuk perbelanjaan yang dilakukan kerana JMC Sri Desa tidak diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.

Contoh 18

P Sdn Bhd sebuah syarikat kawalan keselamatan menyediakan akaun berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Pada Februari 2013, P Sdn Bhd telah berjaya mendapat satu tender kawalan keselamatan di suatu kawasan perumahan di Petaling Jaya. Untuk meningkatkan mutu keselamatan dan pemantauan di kawasan perumahan tersebut P Sdn Bhd telah memasang kelengkapan keselamatan dan pemantauan bernilai RM25,000.

P Sdn Bhd layak menuntut EMD ke atas perbelanjaan yang dilakukan kerana pemasangan tersebut adalah untuk tujuan perniagaan syarikat.

8.12.2. EMD diberikan ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan untuk peralatan berikut -

- (a) Sistem penggera anti kecurian
- (b) Sistem pengesan pergerakan inframerah
- (c) Siren
- (d) Sistem kawalan laluan masuk
- (e) Televisyen litar tertutup
- (f) Sistem pengawasan video
- (g) Kamera keselamatan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (h) Kamera penerima tanpa wayar
- (i) Kelengkapan rakaman tertunda dan kelengkapan video pengesanan gerakan
- (j) GPS bagi penjejakan kenderaan
- (k) Cermin keselamatan, dan
- (l) Butang panik.

8.12.3. EMD diberikan pada kadar 20% untuk EP dan 80% bagi ET. Ini bermakna PL dibenarkan sepenuhnya dalam tempoh satu tahun.

8.12.4. P.U.(A) 4/2013 tidak terpakai kepada individu atau syarikat, jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran individu atau syarikat tersebut -

- (a) Telah diberikan apa-apa insentif di bawah APP 1986
- (b) Telah dibenarkan EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967
- (c) Telah diberikan pengecualian di bawah seksyen 127 ACP 1967, atau
- (d) Layak kepada elaun di mana pecahan (%) adalah lebih tinggi di bawah ACP 1967 atau mana-mana Kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 ACP 1967.

9. Elaun Khas Aset Bernilai Kecil

9.1. Perenggan 19A Jadual 3, ACP 1967 memperuntukkan PL bagi aset bernilai tidak lebih daripada RM1,000 akan dibenarkan sepenuhnya dalam tempoh satu tahun.

9.2. Seseorang diberi pilihan sama ada untuk menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967 atau menuntut elaun modal dipercepatkan seperti dalam Ketetapan ini. Walau bagaimanapun apabila pilihan untuk menuntut elaun modal di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967 telah dibuat, seseorang itu hendaklah mengguna pakai peruntukan ACP 1967 secara konsisten sehingga kesemua perbelanjaan yang layak telah diberi potongan.

9.3. Seseorang adalah dianggap telah membuat pilihan untuk elaun khas bagi aset bernilai kecil sekiranya dalam pengiraan cukainya beliau mengira elaun bagi aset bernilai kecil menggunakan kadar elaun khas yang diperuntukkan di bawah perenggan 19A, Jadual 3 ACP 1967.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 9.4. Jika seseorang telah menuntut potongan di bawah perenggan 19A, Jadual 3 ACP 1967 bagi aset bernilai kecil, orang itu tidak lagi layak menuntut EM di bawah EMD berhubung dengan aset tersebut.
- 9.5. Tuntutan untuk elaun khas bagi aset bernilai kecil adalah dihadkan kepada amaun maksima RM10,000 bagi setiap tahun taksiran. Jika seseorang telah melakukan perbelanjaan loji yang layak ke atas aset bernilai kecil melebihi RM10,000 dalam suatu tahun taksiran, lebihan PL adalah layak diberi kadar elaun modal biasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 10 dan 15, Jadual 3 ACP 1967.

Contoh 19: EMD di bawah perenggan 19A, Jadual 3 ACP 1967

Q Sdn Bhd telah membeli sebuah mesin pencetak bernilai RM1,000 pada 22.6.2010 untuk tujuan perniagaannya. Syarikat layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dilakukan dalam tahun taksiran 2010 di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967.

[Syarat-syarat dan pertimbangan lain berkaitan dengan elaun khas aset bernilai kecil adalah seperti dalam Ketetapan Umum No. 1/2008].

10. Pembelian Loji Atau Jentera Secara Sewa Beli

- 10.1. Jika sesuatu aset diperolehi di bawah terma sewa beli, ansuran adalah terdiri daripada –
 - (a) Pembayaran modal (deposit dan ansuran), dan
 - (b) Bayaran sewa beli.
- 10.2. Walaupun orang yang melakukan perbelanjaan ke atas aset tersebut bukan pemilik di sisi undang-undang (sehingga pembayaran terakhir telah dibuat), beliau boleh dianggap sebagai pemilik di bawah perenggan 46, Jadual 3 ACP 1967. Pemilik layak menuntut EM ke atas bahagian ansuran modal apabila pembayaran dibuat. Bayaran sewa beli, adalah perbelanjaan hasil yang boleh ditolak daripada pendapatan perniagaan.
- 10.3. EM diberikan kepada pemilik dalam bentuk –
 - (a) EP ke atas PL yang dilakukan pada setiap tahun sepanjang tempoh sewa beli, dan
 - (b) ET ke atas PL yang terkumpul sepanjang tempoh sewa beli.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 20: EMD di bawah P.U.(A) 111/2009

R Sdn Bhd telah membeli sebuah mesin pengisar pada 1.7.2009 berdasarkan terma sewa beli berikut –

Kos aset	RM 80,000
Deposit	RM 8,000
Jumlah pembiayaan	RM 72,000
Terma bayaran balik	36 bulan (RM2,300 sebulan)

Akaun perniagaan syarikat ditutup pada 31 Disember setiap tahun. Bayaran ansuran bulanan bermula pada 1.8.2009.

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Deposit		8,000
Ansuran bulanan [2,300 x 36 bulan]		<u>82,800</u>
Jumlah		90,800
Kos aset		<u>80,000</u>
Faedah sewa beli		10,800
Ansuran bulanan	2,300	
Tolak: Faedah ansuran bulanan	<u>10,800</u>	<u>300</u>
36 bulan		
Perbelanjaan layak bulanan	<u>2,000</u>	

Pengiraan Elaun Modal Dipercepatkan

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Tahun Taksiran 2009		
Deposit		8,000
Ansuran bulanan [2,000 X 5 bulan]		<u>10,000</u>
Perbelanjaan layak		18,000
Tolak:		
EP (18,000 x 20%)	3,600	
ET (18,000 x 40%)	<u>7,200</u>	<u>10,800</u>
Baki perbelanjaan		7,200

Tahun Taksiran 2010

Ansuran bulanan [2,000 x 12 bulan]	<u>24,000</u>	<u>24,000</u>
Tolak:		31,200
EP (24,000 x 20%)	4,800	
ET (42,000 x 40%)	<u>16,800</u>	<u>21,600</u>
Baki perbelanjaan		<u>9,600</u>

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 21: EMD di bawah P.U.(A) 356/2008

S Sdn Bhd bermastautin di Malaysia dan menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat telah membeli sebuah bas pada 15.7.2009 pada harga RM55,000 secara sewa beli dengan bayaran balik dalam tempoh 48 bulan bermula pada 1.8.2009.

	<u>RM</u>
Kos kenderaan (termasuk aksesori)	55,000
Yuran pendaftaran	200
Insurans dan cukai jalan	1,000
Deposit	10,000
Faedah sewa beli (atas harga kenderaan dan yuran pendaftaran)	4,800
Bayaran ansuran sebulan dengan faedah sewa beli	1,042
Perbelanjaan layak	
Kos kenderaan(termasuk aksesori)	55,000
Tambah : Yuran pendaftaran	<u>200</u>
Perbelanjaan layak dipermodalkan	55,200
Tolak : Deposit	<u>10,000</u>
Pinjaman sewa beli	<u>45,200</u>
Faedah sewa beli = $\frac{4,800}{48 \text{ bulan}}$	= RM100 sebulan
Ansuran sebulan = $\frac{45,200}{48 \text{ bulan}}$	= RM942 sebulan dan RM926 untuk ansuran terakhir

Pengiraan Elaun Modal Dipercepatkan

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Tahun Taksiran 2009		
Deposit		10,000
Ansuran bulanan [942 x 5 bulan]		<u>4,710</u>
Perbelanjaan layak		14,710
Tolak:		
EP (14,710 x 20%)	2,942	
ET (14,710 x 80%)	<u>11,768</u>	<u>14,710</u>
Baki perbelanjaan		Tiada
Tahun Taksiran 2010		
Bayaran modal - Ansuran bulanan [942 x 12 bulan]		<u>11,304</u>
Perbelanjaan layak		11,304

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tolak:		
EP (11,304 x 20%)	2,261	
ET (11,304 x 80%)	<u>9,043</u>	<u>11,304</u>
Baki perbelanjaan		Tiada

Tahun Taksiran 2011

Bayaran modal - Ansuran bulanan [942 x 12 bulan]		<u>11,304</u>
Perbelanjaan layak		11,304

Tolak:		
EP (11,304 x 20%)	2,261	
ET (11,304 x 80%)	<u>9,043</u>	<u>11,304</u>
Baki perbelanjaan		Tiada

Tahun Taksiran 2012

(Mulai tahun taksiran 2012, pengiraan EM berdasarkan kadar biasa)

Bayaran modal - Ansuran bulanan [942 x 12 bulan]		<u>11,304</u>
Perbelanjaan layak		11,304

Tolak:		
EP (11,304 x 20%)	2,261	
ET (11,304 x 20%)	<u>2,261</u>	<u>4,522</u>
Baki perbelanjaan		6,782

Tahun Taksiran 2013

Bayaran modal - Ansuran bulanan [942 x 6 bulan]	5,652	
Ansuran akhir	<u>926</u>	<u>6,578</u>
Baki perbelanjaan		13,360

Perbelanjaan layak = 17,882 (11,304 + 6,578)

Tolak:		
EP (6,578 x 20%)	1,316	
ET (17,882 x 20%)	<u>3,577</u>	<u>4,893</u>
Baki perbelanjaan		8,467

Tahun Taksiran 2014

Perbelanjaan layak = 17,882

Tolak:		
ET (17,882 x 20%)		<u>3,577</u>
Baki perbelanjaan		4,890

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tahun Taksiran 2015

Perbelanjaan layak = 17,882

Tolak:

ET (17,882 x 20%)

3,577

Baki perbelanjaan

1,313

Tahun Taksiran 2016

Perbelanjaan layak = 17,882

Tolak:

ET (17,882 x 20%) - (3,577- terhad)

1,313

Baki perbelanjaan

Tiada

11. Pelupusan Aset Dalam Tempoh Dua Tahun

- 11.1. Sesuatu aset **dilupuskan** apabila ia dijual, dipindah milik, dipindah hak, diserahkan hak atau diberi milik dengan atau tanpa balasan.
- 11.2. Sekiranya aset dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun dari tarikh pembelian aset itu, EMD yang telah diberikan akan ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran di mana pelupusan dilakukan dengan atau tanpa balasan. Jumlah EP dan ET akan ditarik balik dengan mengenakan kenaaan imbalan dalam tahun pelupusan aset tersebut.
- 11.3. Pelupusan sesuatu aset kepada seseorang yang tiada kaitan (pihak ketiga) adalah *bona fide*, jika aset berkenaan tidak sesuai digunakan atau tidak diperlukan bagi perniagaan berkenaan. Ketua Pengarah boleh mempertimbangkan supaya perenggan 71 Jadual 3 ACP 1967, tidak terpakai. Kenaan imbalan atau elaun imbalan perlu dikenakan ke atas pembayar cukai.

Contoh 22: Pelupusan dalam tempoh 2 tahun [EMD di bawah P.U.(A) 356/2008]

T Sdn Bhd (akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun) telah membeli sebuah bas pada 1.7.2009 berharga RM250,000 untuk tujuan perniagaannya. Bas telah dilupuskan pada 15.2.2011 dengan nilai RM200,000.

Kadar EMD mengikut P.U.(A) 356/2008.

EP = 20%

ET = 80%

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pengiraan Elaun Modal

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Kos Bas		250,000

Tahun Taksiran 2009

Tolak:

EP (250,000 x 20%)	50,000	
ET (250,000 x 80%)	<u>200,000</u>	<u>250,000</u>
Baki perbelanjaan		Tiada

Tahun Taksiran 2010

Tolak:

ET		<u>Tiada</u>
Baki perbelanjaan		Tiada

Tahun Taksiran 2011

Harga pelupusan		<u>200,000</u>
Kenaan imbalan (perenggan 71 Jadual 31 ACP 1967)		<u>250,000</u>

Oleh sebab bas telah dijual dalam tempoh kurang daripada dua tahun dari tarikh pembelian, kenaan imbalan (KI) bersamaan dengan jumlah EP dan ET yang telah diberikan bagi tahun taksiran 2009 berjumlah RM250,000 akan dikenakan dalam tahun taksiran 2011.

Contoh 23: Pelupusan dalam tempoh 2 tahun di mana aset tidak sesuai digunakan untuk perniagaan

U Sdn Bhd telah membeli sebuah mesin berharga RM60,000 pada 1.10.2009 bagi kegunaan perniagaannya. Mesin tersebut telah dilupuskan pada 15.4.2010 dengan nilai RM50,000 disebabkan mesin tersebut tidak berupaya menampung pengeluaran yang semakin meningkat. U Sdn Bhd telah membeli sebuah mesin baharu bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran. Syarikat menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Kadar EMD mengikut P.U.(A) 111/2009.

EP = 20%
ET = 40%

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Pengiraan Elaun Modal

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Kos mesin		60,000

Tahun Taksiran 2009

Tolak:

EP (60,000 x 20%)	12,000	
ET (60,000 x 40%)	<u>24,000</u>	<u>36,000</u>
Baki perbelanjaan		24,000

Tahun Taksiran 2010

Harga pelupusan		<u>50,000</u>
Kenaan imbangan (perenggan 71 Jadual 31 ACP 1967)		<u>26,000</u>

Pelupusan adalah *bona fide*, oleh itu peruntukan di bawah perenggan 71 Jadual 3 ACP 1967 adalah tidak terpakai.

12. Pemindahan Terkawal

- 12.1. Jika aset diperoleh daripada syarikat berkaitan, peruntukan **pemindahan terkawal** di bawah perenggan 38 hingga 40 Jadual 3 ACP 1967 dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal dan Caj) 1969 adalah terpakai. Peruntukan ini tidak akan menganggap amaun yang dibayar kepada syarikat berkaitan sebagai perbelanjaan modal yang dilakukan. Sebaliknya, baki perbelanjaan akan diambil sebagai perbelanjaan yang layak selaras dengan Jadual 3 ACP 1967.
- 12.2. Jika pemindahan terkawal dilaksanakan, harga jualan diabaikan, iaitu aset dianggap dipindahkan pada nilai baki. Oleh itu, tiada elaun imbangan (EI) yang diberikan atau KI yang dikenakan ke atas pelupus.

Contoh 24

V Sdn Bhd yang menutup akaun pada 30 September setiap tahun telah melupuskan mesinnya kepada W Sdn Bhd pada 1.12.2009 yang akaunnya berakhir pada 31 Mac. Kedua-dua syarikat adalah di bawah kawalan orang yang sama.

Mesin tersebut telah diperoleh oleh V Sdn Bhd dengan harga RM15,000 pada 1.8.2009 dan syarikat telah menuntut EMD di bawah P.U.(A) 357/2008 ke atas aset yang dibeli. Mesin tersebut kemudian telah dijual kepada W Sdn Bhd dengan harga RM10,000 pada 1.12.2009.

Dalam kes ini, kaedah 3 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal dan Caj), 1969 terpakai.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Langkah-langkah:

- (a) Tahun taksiran di mana W Sdn Bhd boleh membuat tuntutan adalah tahun taksiran 2010 (1.12.2009 jatuh dalam tempoh 1.4.2009 – 31.3.2010).
- (b) Tempoh Asas bagi V Sdn Bhd untuk tahun taksiran 2010 adalah 1.10.2009 hingga 30.9.2010.
- (c) Oleh itu, untuk V Sdn Bhd, hari pertama bagi tempoh terakhir adalah pada 1.10.2009.
- (d) V Sdn Bhd dianggap telah menjual aset pada 1.10.2009

Di bawah kaedah 3, PL hendaklah dianggap telah dilakukan oleh W Sdn Bhd pada hari pertama tempoh terakhir V Sdn Bhd. Oleh itu, dalam kes ini, PL untuk W Sdn Bhd dianggap dilakukan pada 1.10.2009.

Oleh itu, W Sdn Bhd layak menuntut ET untuk tahun taksiran 2010. Tiada EP sepatutnya diberikan kepada W Sdn Bhd (Kaedah 8).

Pengiraan Elaun Modal Kepada V Sdn Bhd

	<u>RM</u>	<u>RM</u>
Perbelanjaan Layak		15,000

Tahun Taksiran 2009 (Tahun berakhir 30.9.2009)

[EMD di bawah P.U.(A) 357/2008]

Tolak:

EP (15,000 x 20%)	3,000	
ET (15,000 x 80%)	<u>12,000</u>	<u>15,000</u>
Baki perbelanjaan pada 1.10.2009		Tiada

Tiada EI atau KI dikenakan kepada V Sdn Bhd. Manakala PL bagi W Sdn Bhd adalah RM0 dan bukannya RM10,000. Oleh itu, tiada EM yang layak dituntut oleh W Sdn Bhd bagi TT 2010.

- 12.3. Bagi aset yang diperolehi daripada syarikat berkaitan yang terletak di luar negara, PL untuk aset adalah harga pasaran aset pada masa pemindahan.

13. Tempoh Layak

- 13.1. Seseorang layak untuk menuntut elaun modal dipercepatkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam Ketetapan yang berkaitan (rujuk perenggan 8 di atas). Ringkasan bagi tempoh layak adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual di bawah-

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Bil	P.U.(A)/ Tahun	Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan	Kadar (%)	Terpakai Mulai
1	505/2000	Kitaran Semula Sisa Buangan	EP:40 ET:20	TT 2001
2	506/2000	Pelaburan Semula Dalam Projek Yang Layak	EP:40 ET:20	TT 2001
3	349/2003	Penjimatan Tenaga [dibatalkan mulai 1.10.2005 melalui P.U.(A)64/2006]	EP:40 ET:60	TT 2003
4	87/2005	Peralatan Kualiti Kuasa	EP:20 ET:40	TT 2005
5	188/2005	Jentera dan Peralatan Bagi Sektor Pertanian	EP:20 ET:40	TT 2005
6	249/2008	Acuan Bagi Pengeluaran Komponen Sistem Binaan	EP:40 ET:20	TT 2006
7	356/ 2008	Bas	EP:20 ET:80	TT 2009 - 2011
8	357/ 2008	Loji dan Jentera	EP:20 ET:80	TT 2009 - 2010
9	358/2008	Kelengkapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	EP:20 ET:80	TT 2009 - 2013
10	359/2008	Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan	EP:20 ET:80	TT 2009 – 2012
11	111/2009	Loji dan Jentera	EP:20 ET:40	10.3.2009 – 31.12.2010
12	4/2013	Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan	EP:20 ET:80	TT 2013 – 2015

- 13.2. Seseorang tidak layak menuntut EMD sebelum Kaedah bermula atau selepas tempoh kuat kuasa berakhir. Walau bagaimanapun, elaun modal pada kadar biasa layak diberikan ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan pada tempoh tersebut.

Contoh 25: EMD hanya layak dituntut apabila Kaedah mula berkuat kuasa

Z Sdn Bhd diperbadankan pada 5.1.2008 dengan modal dibenarkan sebanyak RM2,000,000 dan modal berbayar sebanyak RM1,000,000. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pada 1.3.2008 syarikat telah membeli aset bernilai RM50,000 untuk kegunaan perniagaannya dan telah menuntut EMD di bawah P.U.(A) 357/2008.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Z Sdn Bhd tidak layak menuntut EMD pada tahun taksiran 2008 kerana P.U.(A) 357/2008 hanya berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

- 13.3. Sesuatu aset yang dibeli sebelum syarikat mula beroperasi layak menuntut EMD di bawah Kaedah-Kaedah ini apabila syarikat mula beroperasi atau aset mula siap sedia untuk digunakan.

Contoh 26: EMD bermula apabila perniagaan bermula

X Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengilangan (akaun ditutup pada 31 Disember setiap tahun). Syarikat telah membeli aset pada 3.12.2009 tetapi hanya mula menjalankan operasi pada 1.1.2010.

X Sdn Bhd hanya layak menuntut EMD pada tahun taksiran 2010.

Contoh 27: EMD bermula apabila aset sedia untuk digunakan

Y Sdn Bhd merupakan syarikat pengeluaran produk makanan segera (akaun berakhir 31 Disember setiap tahun). Dalam tahun 2008, syarikat telah membeli mesin pengeluaran tetapi mesin pengeluaran tersebut hanya mula siap sedia untuk digunakan pada tahun 2009.

Y Sdn Bhd layak menuntut EMD mulai tahun taksiran 2009.

14. Ketidapkakaian

Peruntukan ketidapkakaian mungkin berbeza bagi setiap Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan. Walau bagaimanapun, peruntukan ketidapkakaian berikut adalah secara umumnya terpakai kepada semua Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan :

- 14.1. Sekiranya didapati syarikat menikmati insentif di bawah APP 1986 atau EPS di bawah Jadual 7A ACP 1967 dan pada masa yang sama turut menuntut EMD bagi loji dan jentera di bawah P.U.(A) 111/2009 atau mana-mana Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan berkaitan EMD, insentif cukai yang diberikan akan dikekalkan. EMD akan ditarik balik dan EM akan dibenarkan pada kadar biasa.

Contoh 28

Z Sdn Bhd (akaun berakhir 31 Disember) telah menikmati Elaun Cukai Pelaburan (ECP) sehingga tahun 2013. Pada 1.6.2010, syarikat telah membeli mesin pengisar bernilai RM60,000 bagi tujuan perniagaan. Syarikat telah menuntut EMD ke atas aset yang dibeli pada tahun taksiran 2010.

Z Sdn Bhd tidak layak menuntut EMD memandangkan syarikat telah menikmati ECP di bawah APP 1986. EMD akan ditarik balik dan elaun modal akan dibenarkan pada kadar biasa.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 14.2. Bagi aset-aset yang tidak layak ke atas insentif cukai di bawah ACP 1967, syarikat masih layak menuntut EMD di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan yang berkaitan seperti yang dinyatakan di perenggan 8 dalam Ketetapan ini atau elaun khas aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP 1967 (perenggan 7 adalah berkaitan).

Contoh 29

AA Sdn Bhd adalah pengeluar komponen penyaman udara. Pada bulan Mac 2009, syarikat telah memasang dua mesin tambahan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Syarikat juga telah membeli dan memasang peralatan keselamatan dan pemantauan untuk memastikan kualiti produk. Dalam tahun taksiran 2009 syarikat menuntut EPS ke atas semua perbelanjaan modal yang dilakukan.

AA Sdn Bhd layak ke atas EPS bagi pemasangan dua mesin tambahan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ke atas peralatan keselamatan dan pemantauan tidak layak untuk EPS tetapi layak untuk EMD.

15. Prosedur Tuntutan

Tuntutan EMD hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan. Semua dokumen sokongan hendaklah disimpan oleh pihak yang menuntut bagi tujuan pengesahan apabila audit dijalankan.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**